

## BIODATA



**Ravi Shanker Rama Murthy**

Anak jati Kuala Lumpur , Ravi Shanker telah berkecimpung di dalam arena seni persembahan sejak di bangku sekolah. Dengan pendidikan awal di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Vivekananda dan Sekolah Menengah St John's Kuala Lumpur, Ravi Shanker mengambil bahagian di dalam pelbagai acara kebudayaan dan kesenian yang telah mendapat perhatian guru - gurunya. Dengan berbekalkan Diploma dan Penyiaran di Akademi TV3 , beliau melayarkan sayapnya ke menara gading melengkapkan Bachelor of Arts in English and Business Administration di Universiti Putra Malaysia. Kini beliau sedang mengikuti Sarjana Tinggi di dalam major Seni Persembahan Tari di Pusat Kebudayaan Universiti Malaysia.

Dari segi kariernya, Ravi Shanker telah menimba pelbagai pengalaman di sector penerbangan, industri pakaian, pendidikan , perkhidmatan pelanggan dan banyak lagi. Ravi Shanker telah membantu dan menjadi tunggak utama sebagai pembantu penerbit dalam pelbagai rancangan Astro Ria seperti Nadi Kl, Roda Impian, Akademi Fantasia 1, Salam Bollywood, Beat Tv dan Ezone. Peralihan kerjaya ke Astro Hits Tv telah mencungkil bakat dalam penerbitan iklan dan promo untuk konsert dan videolip. Ravi Shanker telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Promosi dan Pemasaran untuk radio Era, Sinar dan THR Gegar / Raaga. Di sini beliau telah menganjurkan pelbagai aktiviti promosi untuk sasaran pendengarnya.

Didalam arena seni persembahan pula, Ravi Shanker mula mendapatkan latihan formal dalam seni Tari India Odissi dan Bharathanatyam di Temple Fine Arts Kuala Lumpur dan Sutra Dance Theatre. Ravi juga melanjutkan latihan intensif di India di bawah bimbingan Guru Gajendra. Semasa di Kampus hijau UPM, beliau telah menimba ilmu seni tari kontemporari Cina di bawah Anthony Meh dan aktif di dalam Putra Dancers UPM mengeksperimentasi senitari Zapin, Endang, Dabus, Joget dan Asli. Beliau pernah memegang jawatan Pengerusi Biro Kebudayaan Kolej Kelima UPM, Pengarah Malam Puisi Islam, A Night of Natyanjali dan telah inisiatifkan pelbagai rancangan kebudayaan dan kesenian.

Ravi Shanker pernah mewakili UPM ke Peru, Amsterdam dan Thailand. Dengan hasil usaha beliau, Kelab Seni Putra Kalakshetra UPM, Kelab Seni Tari Swarnamalaya UM dan Kelab Seni Artisukma Rasalavanya UKM telah lahir dalam memperkembangan seni tari India klasik dan kontempori di peringkat university

untuk mempertengahan senitari india. Kini Ravi Shanker merupakan tenaga pengajar dan fasilitator untuk ketiga – tiga kelab ini dan kursus kokurikulum senitari klasik india di UPM dan UM .

Beliau merupakan Pengarah Artistik untuk Studio Seni Tari Asthana Arts Kuala Lumpur yang banyak terlibat dalam acara seni persembahan komersial. Di antara acara berprestij International Tamil Film Awards ( ITFA), Indian Film Festival ( IFF), Global Indian Shopping Festival, Iklan Pepsi, Nokia, Astro dan banyak lagi yang telah namanya sebagai khoreografer . Beliau juga pernah diberi mandat sebagai juri untuk Miss Malaysia India Talent Round, Astro Aattam 100 Vagai dan Festival Senitari UKM.